

KEMPEN eDUIT HOTSPOT DI DAERAH MANJUNG

KERAJAAN NEGERI MELAKSANAKAN INISIATIF e-PEMBAYARAN DI PERAK BAGI MEMBANTU KOMUNITI PENIAGA DAN MASYARAKAT SETEMPAT MENINGKATKAN PROSES PENDIGITALAN

IPOH, OGOS 19, 2023 – Rentetan daripada program ‘Walk-About’ Kempen eDuit Hotspot yang telah bermula di Daerah Kinta pada 19 Ogos lalu, disusuli dengan program ‘Walk-About’ bagi kempen yang sama di Pasar Malam Manjung, petang ini.

Kerajaan Negeri melalui Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) telah bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyasarkan 1,000 peniaga kecil dan mikro di tapak pasar harian dan malam, para pekedai di pekan Lumut, Manjung dan Sitiawan serta usahawan-usahawan di bawah TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Perak untuk meningkatkan penggunaan dan penerimaan e-pembayaran secara mampan di Perak.

Daripada jumlah ini, 60% disasarkan akan menerima e-pembayaran menjelang September 2023 dan 100,000 transaksi e-pembayaran menjelang hujung 2023.

Inisiatif e-pembayaran ini turut melibatkan Majlis Perbandaran Manjung, Koperasi Persalam Manjung Berhad (PERSALAM) dan sembilan institusi-institusi kewangan tempatan, iaitu Maybank, Hong Leong Bank, CIMB Bank, Public Bank, Bank Islam, Agrobank, Bank Rakyat, MBSB Bank dan Touch n Go Digital.

Melalui sistem e-pembayaran, para peniaga dan pengguna akan menikmati pelbagai manfaat dari segi kos, kecekapan dan keselamatan dengan membantu meningkatkan peluang perniagaan, pengurusan rekod perniagaan yang lebih teratur serta melindungi kedua-dua pihak daripada risiko kecurian dan penerimaan wang palsu.

Di samping memberikan hebahan dan promosi Kempen eDuit Hotspot, program ‘Walk-About’ ini juga bertujuan untuk beramah mesra dan memberi keyakinan kepada para peniaga bagi menggalakkan proses migrasi kepada pembayaran tanpa tunai.

Kempen enam bulan yang bermula Jun 2023, dijangka akan dilancarkan pada September 2023.

Program ‘Walk-About’ ini disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan, YB Puan Salbiah binti Mohamed.

